

6

8

28

# Penyata Kewangan

(Dinyatakan Dalam Ringgit Malaysia)

38

- 48 Laporan Pengarah
- 59 Laporan Juruaudit
- 60 Kunci Kira-kira
- 61 Penyata Pendapatan
- 62 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
- 64 Penyata Aliran Wang Tunai
- 67 Nota-nota Penyata Kewangan
- 153 Kenyataan Oleh Para Pengarah
- 153 Perakuan Berkanun

100

# Laporan Pengarah

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka serta penyata kewangan **AmMerchant Bank Berhad** yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 yang telah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989 dan piawaian perakaunan berkaitan yang diluluskan di Malaysia.

## Kegiatan Utama

Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya, seperti disenaraikan dalam Nota 11 Penyata Kewangan, memberikan rangkaian perkhidmatan perbankan saudagar dan perkhidmatan kewangan berkaitan termasuk Perniagaan Perbankan Islam, nasihat pelaburan dan pengurusan aset, amanah-amanah harta tanah dan saham.

Dalam tahun kewangan, tiada perubahan penting berlaku dalam kegiatan Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya.

## Peristiwa-peristiwa Penting

1. Pada 2 April 2003, Bank telah memeterai perjanjian jual beli bersyarat dengan Symphony House Berhad (Symphony House) untuk menjual keseluruhan 25.5% kepentingan equitinya berjumlah 637,500 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu di dalam Malaysian Issuing House Sdn Bhd (MIH), kepada Symphony House secara tunai dengan harga RM624,272.

Ganjaran pembelian tersebut telah dipersetujui atas dasar kesanggupan pembeli dan penjual, berasaskan pro-forma aset ketara bersih MIH pada 31 Disember 2002 yang telah diselaraskan sebelum diaudit.

Penjualan tersebut telah selesai pada 30 Julai 2003. Ganjaran tunai pembelian tersebut telah disemak semula daripada RM624,272 kepada RM637,500 berasaskan pro-forma aset ketara bersih MIH pada 30 Jun 2003 yang telah diaudit mengenai RM2,500,000 (selepas menyalurkan dividen akhir dibayar kepada pemegang saham MIH, termasuk Bank, bagi tahun berakhir 30 Jun 2003).

2. Pada 10 April 2003, Frasers International Pte Ltd (FIPL) telah menyelesaikan perlaksanaan penyusutan modal di mana kesemua saham keutamaan kumulatif boleh ditebus dan diubah dan saham keutamaan kumulatif tidak boleh ditebus dan diubah akan ditukarkan kepada saham biasa dalam FIPL. Perlaksanaan ini menyebabkan penyusutan modal sebanyak 9.8 juta saham biasa dan pembayaran balik sejumlah S\$9.8 juta kepada kesemua pemegang saham mengikut bahagian kepentingan ekuiti dalam FIPL, di mana pembayaran balik modal kepada Bank berjumlah S\$4,844,032.
3. Pada 10 Mei 2003, syarikat induk muktamad, AMMB Holdings Berhad (AHB), telah menerima kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memulakan perundingan dengan EON Capital Berhad bagi kemungkinan gabungan di antara dua kumpulan perbankan. Walaubagaimanapun, perbincangan telah sepakat menamatkannya pada 25 Jun 2003.
4. Pada 29 Disember 2003, syarikat bersekutu, AmAssurance Berhad (AmAssurance) telah memeterai empat (4) perjanjian jual beli berasingan dengan Melawangi Sdn Bhd (MSB), syarikat subsidiari milik penuh Arab-Malaysian Corporation Berhad (AMCORP) untuk cadangan pemerolehan empat (4) unit premis pejabat (Premis Pejabat) bertempat di AMCORP Trade Centre (ATC) secara tunai dengan harga RM7,239,210 (Cadangan Pemerolehan).

Premis Pejabat terma pegang pajak 99 tahun yang akan luput pada 11 September 2088. Pada masa ini, Premis Pejabat tersebut telah disewa. Menjelang Cadangan Pemerolehan selesai, MSB akan menyerahkan kesemua hak di bawah perjanjian penyewaan dengan penyewa-penyewa yang sedia ada kepada AmAssurance.

Cadangan Pemerolehan akan memberi peluang kepada AmAssurance untuk menerima pulangan yang lebih baik daripada pelaburan berbanding dengan lazimnya kadar deposit tetap yang rendah dan dapat mengambil peluang di atas potensi kenaikan nilai modal dalam harta benda daripada sederhana kepada jangka panjang.



## Laporan Pengarah (Samb.)

5. Pada 27 Februari 2004 dan 31 Mei 2004, AHB mengumumkan cadangan-cadangan berikut:

- (i) Cadangan (Penswastaan AMFB) melibatkan skim penyusunan menurut Akta Seksyen 176 di antara AMFB, AHB dan pemegang-pemegang saham AMFB selain daripada AHB (Pemegang-pemegang Saham Minoriti AMFB) di mana AHB akan memperoleh kesemua Saham Minoriti AMFB, berjumlah 189,113,911 saham AMFB merupa sehingga 35.75% kepentingan ekuiti AMFB, dengan jumlah ganjaran pembelian sebanyak RM1,361,620,159, bersamaan dengan RM7.20 setiap Saham Minoriti AMFB (Cadangan Harga Ganjaran), akan dipersetujui melalui penggabungan penerbitan saham AHB dan tunai dalam asas berikut: -
  - (a) sejumlah RM771,584,757 dengan cara penerbitan sebanyak 189,113,911 Saham Baru AHB pada asas satu (1) Saham Baru AHB dinilai pada RM4.08 setiap Saham Baru AHB bagi setiap satu (1) Saham Minoriti AMFB yang sedia ada dipegang; dan
  - (b) baki sejumlah RM590,035,402 secara tunai pada asas RM3.12 bagi setiap satu (1) Saham Minoriti AMFB yang sedia ada dipegang.

Tarikh kelayakan di mana nama-nama Pemegang-pemegang Saham Minoriti AMFB mesti dimasukkan dalam Rekod Penyimpan AMFB supaya menyertai Cadangan Penswastaan AMFB akan ditentukan dan diumumkan pada tarikh selepas menerima kesemua kelulusan berkaitan dengan Cadangan Penswastaan AMFB, termasuk persetujuan Mahkamah bagi Cadangan Penswastaan AMFB (Tarikh Kelayakan).

Jumlah Saham Baru AHB yang akan diterbitkan bergantung kepada jumlah sebenar Saham Minoriti AMFB yang akan diperolehi pada tarikh kelayakan, mengambil kira Saham Baru AMFB yang akan diterbitkan oleh AMFB menurut pelaksanaan opsyen di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja AMFB (ESOS Opsyen AMFB) sebelum Tarikh Kelayakan. Pada 31 Mac 2004, jumlah ESOS Opsyen AMFB yang tidak dilaksanakan adalah 345,000.

Menjelang skim penyusunan berkuatkuasa, kesemua Pemegang-pemegang Saham Minoriti AMFB adalah terikat kepada pertukaran Saham AMFB pada asas satu (1) Saham Baru AHB dan RM3.12 secara tunai bagi setiap satu (1) Saham Minoriti AMFB yang sedia ada dipegang pada Tarikh Kelayakan.

Menurut Cadangan Penswastaan AMFB, AMFB akan menjadi syarikat subsidiari milik penuh AHB. AMFB tidak lagi memenuhi keperluan spread pegangan saham awam oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (dahulunya dikenali sebagai Malaysia Securities Exchange Berhad)(Bursa Malaysia), Bursa Malaysia boleh mengeluarkan Saham AMFB daripada Senarai Rasmi Bursa Malaysia sebagaimana disyaratkan di bawah Seksyen 16.09 Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia. Tujuan AHB adalah untuk mendapatkan kelulusan daripada Bursa Malaysia untuk membiarkan status senarai AMFB begitu sahaja.

- (ii) Cadangan senarai Kumpulan Perbankan Pelaburan AHB, menerusi syarikat baru yang telah diperbadankan (Newco), pada Papan Utama Bursa Malaysia.

Cadangan Senarai Newco memerlukan perkara-perkara berikut: -

- (a) pertubuhan Newco untuk bertindak sebagai kenderaan senarai/syarikat induk, pada mulanya untuk menjadi syarikat subsidiari milik penuh AHB;
- (b) penyusunan semula dalaman termasuk pemindahan keseluruhan kepentingan AHB dalam syarikat-syarikat komponen AHB melibatkan operasi perbankan pelaburan kepada Newco (Cadangan Penyusunan Semula Dalaman);



## Laporan Pengarah (Samb.)

- (c) tawaran untuk jual/terbitan terhad secara agregat sebanyak 40% modal saham terbitan dan dibayar pembesar bagi Newco (Cadangan Tawaran) akan dijalankan menjelang Cadangan Penyusunan Semula Dalaman selesai adalah seperti berikut: -
  - (i) Pemegang-pemegang saham AHB (Pemegang-pemegang saham AHB yang Berhak); dan
  - (ii) Individu berikut adalah orang yang memenuhi kriteria bagi kelayakan untuk penyertaan dalam Cadangan Tawaran (Pekerja-pekerja yang Layak): -
    - (a) Para pengarah dan pekerja-pekerja Newco dan/atau syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu diperbadankan di Malaysia;
    - (b) Para Pengarah AHB; dan
    - (c) Perniagaan bersekutu AHB; dan
- (d) senarai keseluruhan cadangan terbitan dan saham modal dibayar bagi Newco pada Papan Utama Bursa Malaysia.

- (iii) Cadangan Pecahan Saham melibatkan penyusutan tara saham AHB daripada RM1.00 setiap satu kepada RM0.50 setiap satu menerusi pembahagian setiap satu (1) Saham yang sedia ada dimiliki dalam AHB kepada dua (2) saham biasa baru AHB RM0.50 setiap satu. Pemegang-pemegang saham AHB, yang namanya tercatat dalam Rekod Penyimpanan pada tarikh perniagaan ditutup akan ditentu dan diumumkan kemudian apabila mendapat kesemua pengesahan yang berkaitan, berhak untuk Cadangan Pecahan Saham. Cadangan Pecahan Saham dijangka akan dijalankan selepas Cadangan Penswastan AMFB selesai.

Pada 25 Mac 2004 Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah meluluskan permohonan AHB untuk pengecualian daripada mematuhi Perenggan 5 Nota Bimbingan 8A daripada Garis Panduan SC bergantung kepada syarat di mana AHB dikehendaki melaksanakan cadangan pecahan saham dalam masa tiga (3) bulan menjelang cadangan penswastan AMFB selesai.

Cadangan Saham Berbahagi untuk diterbitkan akan, menjelang terbitan dan perumpukan, peringkat pari passu dalam semua segi di antara mereka.

Cadangan Pecahan Saham akan menyebabkan pengurangan dalam harga pasaran saham AHB yang sedia ada dengan itu menjadikan saham AHB lebih mampu untuk pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur. Cadangan Pecahan Saham juga akan memperbaiki keadaan saham AHB supaya mudah tunai dan mudah dipasarkan disebabkan oleh penambahan jumlah saham AHB.

Cadangan Penswastan AMFB, Senarai Newco dan Pecahan Saham adalah bergantung kepada kelulusan daripada SC, Menteri Kewangan, Bank Negara Malaysia, Mahkamah Tinggi Malaya, pemegang-pemegang saham AHB dan AMFB dan pihak berkuasa berkaitan yang lain.

Cadangan Penswastan AMFB dan Cadangan Senarai Kumpulan Newco saling bersyarat antara satu sama lain. Cadangan Pecahan Saham tidak bersyarat atas Cadangan Penswastan AMFB dan Cadangan Senarai Kumpulan Newco.

- 6. Pada 3 Mac 2004, AmAssurance memeterai:
  - a) Perjanjian Jual Beli dengan Arab-Malaysian Credit Berhad (AMCB) untuk pemerolehan blok podium bangunan pegangan bebas dikenali sebagai Menara Liang Court terletak di 37, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 Penang, untuk ganjaran tunai sejumlah RM7,800,000;
  - b) Perjanjian Jual Beli dengan Taifab Properties Sdn Bhd (TPSB), syarikat subsidiari milik penuh AMDB Berhad (AMDB), untuk pemerolehan tiga (3) unit premis pejabat pegangan bebas yang terletak di Arab-Malaysian Business Centre (AMBC), Jalan Pasar, 70000 Seremban, untuk ganjaran tunai sejumlah RM1,997,707; dan
  - c) Perjanjian Jual Beli dengan Medan Delima Sdn Bhd (MDSB), syarikat subsidiari milik penuh AMDB, untuk pemerolehan tujuh (7) unit premis pejabat pegangan bebas yang terletak di AMBC, Jalan Pasar, 70000 Seremban, untuk ganjaran tunai sejumlah RM2,477,293.

## Laporan Pengarah (Samb.)

Pada masa ini, premis pejabat tersebut telah disewa. Menjelang Cadangan Pemerolehan AMCB, TPSB dan MDSB selesai, keseluruhan hak di bawah perjanjian penyewaan dengan penyewa-penyewa yang sedia ada akan diserahkan kepada AmAssurance.

Cadangan Pemerolehan akan menyediakan peluang kepada AmAssurance untuk menerima pulangan yang lebih baik ke atas pelaburan jika dibandingkan kadar deposit tetap yang lazimnya rendah dan mengambil peluang daripada potensi kenaikan nilai modal dalam harta benda daripada sederhana kepada jangka panjang.

7. AHB telah meminta kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memulakan perbincangan, menurut Seksyen 67 Akta Insurans 1996, yang berkaitan dengan cadangan pemerolehan (Cadangan Pemerolehan) seperti berikut:-
  - (a) Cadangan Pemerolehan yang berkaitan dengan Bank oleh AHB adalah 47,116,000 saham biasa RM1.00 setiap satu dalam AmAssurance merupa 47.12% kepentingan ekuiti dalam AmAssurance daripada pihak Bank. Pada masa ini, AHB memegang saham sebanyak 18.82% dalam AmAssurance.
  - (b) Cadangan Pemerolehan yang berkaitan dengan ABH Holdings Sdn Bhd (ABH Holdings) oleh AmBank Berhad, syarikat subsidiari milik penuh AHB, sebanyak 20,000,000 saham-saham biasa RM1.00 setiap satu dalam AmAssurance merupa 20% kepentingan ekuiti dalam AmAssurance.

ABH Holdings mempunyai kepentingan ekuiti sebanyak 34.06% dalam AmAssurance, di mana Dato' Azlan Hashim (DAH) adalah pemegang saham yang terpenting. DAH adalah Timbalan Pengerusi AHB, dan adik kepada Tan Sri Dato' Azman Hashim, adalah pemegang saham yang terpenting AHB.

Menurut Akta Insurans, kelulusan daripada Menteri Kewangan diperlukan sebelum menandatangani Perjanjian Jual Beli.

### Keputusan Kewangan

Keputusan operasi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Keuntungan sebelum bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu dan pencukaian	174,926	162,228
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	18,294	-
Keuntungan sebelum pencukaian	193,220	162,228
Pencukaian	(54,681)	(49,492)
Keuntungan sebelum kepentingan minoriti	138,539	112,736
Kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti dalam keputusan syarikat-syarikat subsidiari	(3,453)	-
Keuntungan bersih hak pemegang saham Bank	135,086	112,736
Keuntungan tidak diagihkan pada awal tahun dinyatakan semula	614,443	599,171
Keuntungan boleh diagihkan	749,529	711,907
Dividen keutamaan dicadangkan	(7,200)	(7,200)
Faedah ICULS	(7,220)	(7,220)
Dividen biasa dibayar	(21,600)	(21,600)
Keuntungan tidak diagih pada akhir tahun	713,509	675,887



## Rancangan Perniagaan dan Strategi

Strategi Bank boleh dilihat sebagai konsisten dengan Kumpulan Perbankan AmBank, iaitu berhasrat menjadi sebuah institusi perkhidmatan kewangan yang terunggul, dan akhirnya, membolehkan Bank mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai bank pelaburan utama di Malaysia.

Untuk mencapai cita-cita ini, Bank telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan struktur organisasi, memperbaiki kualiti aset, menyahut cabaran sumber manusia dan mempertingkatkan teknologi maklumatnya. Struktur organisasi menghubungkan lima unit perniagaan utama iaitu perbankan korporat, kewangan korporat, pasaran modal hutang, perbendaharaan dan pengurusan dana dengan lebih rapat mengikut saluran pelabur-pelabur dan menetapkan semula peranan setiap unit dalam pemasaran dan pelaksanaan.

Selaras dengan itu, Bank juga membangunkan rangka pengurusan risiko berintegrasi dan struktur organisasi bagi memastikan wujudnya sistem yang efektif bagi mengenal pasti, meneliti dan menguruskan segala jenis risiko kewangan dan operasi dan juga memperbaiki kecekapan operasi.

## Tinjauan bagi Tahun Kewangan Hadapan

Ekonomi Malaysia dijangka lebih kukuh dalam tahun 2004, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar berkembang sebanyak 6.0% - 6.5% daripada 5.2% dalam tahun 2003. Tinjauan positif bagi tahun 2004 digerakkan oleh jangkauan pemulihan dalam sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan, agregat permintaan domestik yang tinggi dan diperkukuhkan oleh prospek ekonomi global yang cerah.

Polisi kewangan akan kekal sesuai dengan kestabilan harga dan tanpa tekanan inflasi. Namun begitu, memandangkan kestabilan persekitaran, Bank Negara Malaysia (BNM) mencadangkan peralihan kepada rangka kerja kadar faedah baru kena pada masanya bertujuan mengekalkan kestabilan monetari dan kewangan untuk mencapai pertumbuhan berterusan jangka panjang. Walaubagaimanapun, monetari dan polisi pertukaran BNM akan kekal tidak berubah.

Ekonomi asas Malaysia yang kukuh akan berterusan bagi membolehkan Kerajaan untuk mempertingkatkan sumber-sumber pertumbuhan domestik dengan kefleksibelan polisi.

Sektor perbankan dijangka untuk kekal berdaya saing dalam tahun 2004 dengan faedah margin bersih berterusan berada bawah tekanan yang wujud daripada persaingan dan lebih mudah tunai dalam sistem perbankan.

Bank akan terus fokus dalam aktiviti berasaskan urusaniaga dan yuran, seperti pasaran modal hutang, kewangan korporat, perbendaharaan dan pengurusan dana. Bank yakin bahawa ia berkedudukan baik untuk memanfaatkan daripada persekitaran ekonomi yang semakin baik untuk prestasi selanjutnya yang lebih baik.

## Butiran-butiran Bersifat Luar Biasa

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan tidak terjejas secara berkesan oleh sebarang perkara, urusaniaga atau peristiwa penting dan luar biasa.

Dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tiada berlaku sebarang perkara, urusaniaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang mungkin, pada pendapat para pengarah, boleh menjejaskan dengan secara berkesan keputusan operasi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berikutnya.

## Dividen

Dalam tahun kewangan ini, Bank telah membayar dividen pertama dan terakhir sebanyak 15.0%, ditolak cukai serta dividen keutamaan sebanyak 10.0%, ditolak cukai bagi tahun kewangan lalu berjumlah RM21,600,000 dan RM7,200,000 bagi saham-saham biasa dan keutamaan, masing-masing, yang telah diambilkira dalam laporan pengarah bagi tahun kewangan tersebut.

Para pengarah kini mencadangkan pembayaran dividen pertama dan terakhir sebanyak 25.0%, ditolak cukai serta dividen keutamaan sebanyak 10.0%, ditolak cukai, berjumlah RM36,000,000 dan RM7,200,000 bagi saham-saham biasa dan keutamaan, masing-masing, bagi tahun kewangan semasa. Penyata kewangan pada tahun kewangan semasa tidak mengambilkira dividen dicadangkan. Dengan itu dividen tersebut, sekiranya telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham, akan diambilkira dalam dana pemegang saham dalam anggaran keuntungan tidak diagihkan dalam tahun kewangan yang berikutnya 31 Mac 2005.



# Laporan Pengarah (Samb.)

## Rizab dan Peruntukan

Berikut adalah pindahan-pindahan penting kepada/(daripada) rizab dan peruntukan dalam tahun kewangan:

	Nota kepada Penyata Kewangan	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Peruntukan/(Kebalikan peruntukan):			
Faedah tergantung bersih	27	40,542	37,865
Pendapatan tergantung bersih (Bayaran balik)/Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan (kebalikan)/peruntukan:	50 (v)	3,950	3,950
Peruntukan am	29	(5,791)	(4,238)
Peruntukan tertentu - bersih	29	157,193	155,043
Peruntukan pengurangan nilai pada amaun boleh dibayar balik daripada Danaharta	29	4,360	-
Peruntukan rosot nilai pelaburan - bersih (Masuk kira semula)/Peruntukan pelbagai hutang ragu - bersih		45,098	41,010
Pindahan ke rizab penyamaan keuntungan		(8,968)	2,676
		(970)	(970)

## Hutang Lapuk dan Ragu dan Pembiayaan

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Bank disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang dan pembiayaan lapuk dan peruntukan hutang dan pembiayaan ragu dan berpuas hati bahawa semua hutang dan pembiayaan lapuk diketahui telah dihapuskan dan peruntukan secukupnya telah disediakan bagi hutang dan pembiayaan ragu.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mendapati akan adanya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan jumlah hutang dan pembiayaan lapuk dihapus atau jumlah peruntukan hutang dan pembiayaan lapuk dihapuskan atau jumlah peruntukan hutang dan pembiayaan ragu bagi Kumpulan dan Bank tidak mencukupi pada had yang sewajarnya.

## Aset Semasa

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Bank disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa aset semasa selain daripada hutang-hutang dan pembiayaan, yang tidak mungkin direalisasikan dalam urusan biasa seperti yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Bank, telah dikurangkan nilainya kepada nilai dianggap boleh diperolehi.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mendapati akan adanya sebarang keadaan yang boleh mengelirukan penilaian aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

## Kaedah Penilaian

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui kewujudan sebarang keadaan yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau tanggungan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank, mengelirukan atau tidak sesuai.



## Tanggung-tanggung Luar Jangka dan Lain-lain

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Bank yang timbul sejak akhir tahun kewangan akibat daripada jaminan untuk tanggungan-tanggungan pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luar jangka Kumpulan dan Bank yang timbul sejak akhir tahun kewangan melainkan tanggungan daripada operasi urusniaga biasa.

Pada pendapat para pengarah, tiada tanggungan luar jangka atau lain-lain tanggungan Kumpulan dan Bank yang boleh atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan daripada tarikh akhir tahun yang akan atau mungkin menjejaskan secara berkesan keupayaan Kumpulan dan Bank menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya.

## Perubahan Keadaan

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui akan adanya sebarang keadaan yang tidak diambilkira dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

## Terbitan Saham dan Debentur

Bank tidak menerbitkan sebarang saham atau debentur baru sepanjang tahun kewangan.

## Opsyen Saham

Tiada sebarang opsyen ditawarkan oleh Bank untuk memperolehi saham-saham Bank yang belum diterbitkan.

Tiada saham diterbitkan sepanjang tahun kewangan menerusi pelaksanaan sebarang opsyen untuk memperolehi saham-saham Bank yang belum diterbitkan. Pada akhir tahun kewangan, tiada saham-saham Bank yang belum diterbitkan di bawah opsyen.

## Stok Pinjaman Berfaedah Tidak Boleh Ditebus, Boleh Diubah dan Tidak Bercagar (ICULS) 2002/2007

Ciri-ciri utama ICULS 2002/2007 diterbitkan kepada syarikat induk, AMMB Holdings Berhad (AHB) adalah seperti berikut:

- (a) ICULS 2002/2007 menanggung faedah pada kadar 6.0% setahun dibayar setiap setengah tahun atau dalam jangka masa seperti yang ditetapkan oleh AHB.
- (b) ICULS 2002/2007 boleh diubah kepada saham-saham biasa baru pada bila-bila masa pada kadar satu saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu bagi setiap RM4.00 amaun nominal ICULS dipegang.
- (c) ICULS 2002/2007 pada mulanya untuk lima tahun kalender dan dilanjutkan kepada lima tahun lagi sehingga matang pada 15 Januari 2007.
- (d) Semua saham-saham biasa baru diterbit berikutan ubahan ICULS 2002/2007 akan bertaraf pari passu dengan saham-saham Bank yang sedia ada kecuali dividen, hak, peruntukan dan pengagihan lain, di mana tarikh hak menerima adalah sebelum tarikh ubahan berkenaan.



## Laporan Pengarah (Samb.)

Tidak ada sebarang pergerakan ke atas ICULS 2002/2007 dalam tahun kewangan dan baki adalah seperti berikut:

	Amaun nominal ICULS			Baki pada 31.3.2004
	Baki pada 1.4.2003	Terbitan	Diubah	
ICULS 2002/2007	120,000,000	-	-	120,000,000

### Para Pengarah

Para pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan lalu adalah:

Tan Sri Dato' Azman Hashim  
Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba (Pengarah bebas)  
Cheah Tek Kuang  
Kok Tuck Cheong  
Dato' Izham Bin Mahmud (Pengarah bebas: dilantik pada 16 Oktober 2003)  
Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman (Pengarah bebas: dilantik pada 1 April 2004)  
Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert (Pengarah bebas: dilantik pada 16 April 2004)  
Dato' Azlan Hashim (berhenti pada 19 Disember 2003)  
Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim (berhenti pada 19 Disember 2003)  
Dato' Malek Merican (berhenti pada 6 Mei 2004)

Mengikut Artikel 95 Tata Urusan Syarikat, Dato' Izham Bin Mahmud, Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman dan Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert telah dilantik sejak Mesyuarat Am Tahunan lalu, bersara dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.

### Kepentingan Para Pengarah

Pada 31 Mac 2004, tidak ada pengarah yang memiliki saham-saham Bank dalam tahun kewangan dan menurut Tata Urusan Syarikat, para pengarah tidak perlu memiliki saham di dalam Bank.

Kepentingan para pengarah dalam saham, debentur dan opsyen saham syarikat-syarikat berkaitan pada akhir tahun kewangan seperti tercatat dalam Daftar Pemegang Saham Pengarah yang disimpan oleh Bank di bawah Seksyen 134, Akta Syarikat 1965, adalah seperti berikut:

### Kepentingan Langsung

#### Dalam Bank

Bon Bersubordinat Boleh Ditebus dan Tidak Bercagar	Amaun nominal RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.3.2004
	Baki pada 1.4.2003/ Tarikh perlantikan	Belian	Jualan	
Dato' Izham Bin Mahmud	250,000	-	-	250,000



# Laporan Pengarah (Samb.)

## Kepentingan Langsung

### Dalam syarikat induk muktamad, AMMB Holdings Berhad

Saham	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu				
	Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Bonus & Hak	Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba	1,188,422	-	594,211	1,782,633	-
Cheah Tek Kuang	217,200	140,000	178,600	50,000	485,800
Kok Tuck Cheong	50,000	-	40,000	70,000	20,000

### Bilangan Waran

Waran 1997/2007	Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Bonus & Hak	Dilaksanakan/ Jualan	Baki pada 31.3.2004
Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba	12,000	-	7,795	-	19,795

### Bilangan Waran

Waran 2003/2008	Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Bonus & Hak	Dilaksanakan/ Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba	149,000	-	96,793	-	245,793
Cheah Tek Kuang	28,000	-	18,189	-	46,189
Kok Tuck Cheong	7,000	-	4,547	-	11,547

### Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu

Opsyen Saham	Baki pada 1.4.2003	Diberi	Terbitan Bonus & Hak	Dilaksanakan	Baki pada 31.3.2004
Cheah Tek Kuang	140,000	-	-	140,000	-
Kok Tuck Cheong	40,000	-	25,984	-	65,984

### Dalam syarikat kewangan berkaitan, AMFB Holdings Berhad

### Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu

Saham	Baki pada 1.4.2003/Tarikh perlantikan	Belian	Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim Dipegang secara langsung	211,505	-	-	211,505
Dipegang menerusi nomini	522,985	-	-	522,985
Dato' Izham Bin Mahmud	4,670	-	-	4,670
Cheah Tek Kuang	38,000	-	-	38,000

# Laporan Pengarah (Samb.)

## Kepentingan Tidak Langsung

Dalam syarikat induk muktamad,  
AMMB Holdings Berhad

### Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu

Saham	Nama Syarikat	Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Bonus & Hak	Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim	Arab-Malaysian Corporation Berhad	343,884,550	-	275,107,640	13,165,365	<b>605,826,825</b>
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	110,000	-	88,000	-	<b>198,000</b>
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	9,408,876	-	6,918,343	10,613,314	<b>5,713,905</b>
	Slan Sdn Bhd	398,316	-	199,158	597,474	-
	Ginagini Sdn Bhd	17,330,749	-	7,525,374	12,671,314	<b>12,184,809</b>
	Regal Genius Sdn Bhd	-	14,500,000	11,600,000	4,350,000	<b>21,750,000</b>

### Bilangan Waran

Waran 1997/2007	Nama Syarikat	Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Bonus & Hak	Dilaksanakan/ Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim	Arab-Malaysian Corporation Berhad	16,231,498	-	-	16,231,498	-

Dalam syarikat induk muktamad,  
AMMB Holdings Berhad

### Bilangan Waran

Waran 2003/2008	Nama Syarikat	Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Bonus & Hak	Dilaksanakan/ Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim	Arab-Malaysian Corporation Berhad	45,594,942	-	29,619,386	-	<b>75,214,328</b>
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	13,750	-	8,932	-	<b>22,682</b>
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	2,026,109	-	1,316,200	-	<b>3,342,309</b>
	Slan Sdn Bhd	49,789	-	32,343	-	<b>82,132</b>
	Ginagini Sdn Bhd	2,391,734	-	1,553,717	-	<b>3,945,451</b>
	Indigenous Capital Sdn Bhd	-	170,000	110,435	-	<b>280,435</b>
	Regal Genius Sdn Bhd	-	1,812,500	1,177,436	-	<b>2,989,936</b>

Dalam syarikat kewangan berkaitan,  
AMFB Holdings Berhad

### Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu

Saham	Nama Syarikat	Baki pada 1.4.2003	Belian	Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	241,047	-	-	<b>241,047</b>



## Laporan Pengarah (Samb.)

Opsyen saham dalam syarikat induk muktamad, yang mempunyai tempoh opsyen lima tahun kalender diberi menurut Skim Opsyen Saham Pekerja II (Skim) AMMB Holdings Berhad dan sesiapa yang diberi opsyen dibawah Skim tiada hak untuk melibatkan diri dalam mana-mana skim opsyen saham pekerja di dalam mana-mana syarikat lain dalam Kumpulan.

Berdasarkan pegangan saham seperti yang dinyatakan di atas, para pengarah yang dinyatakan di atas dianggap mempunyai kepentingan dalam saham Bank dan syarikat-syarikat berkaitan.

### Manfaat Para Pengarah

Sejak berakhirnya tahun kewangan lepas, tiada pengarah Bank yang menerima atau layak untuk menerima sebarang manfaat (melainkan manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau belum dibayar dan boleh diterima oleh para pengarah ditunjukkan dalam Penyata Kewangan, atau gaji tetap sebagai pekerja Bank sepenuh masa) dengan sebab kontrak dibuat oleh Bank atau pertubuhan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma yang mana pengarah adalah ahli, atau dengan syarikat yang mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan terbesar kecuali untuk:

- (a) pajakan ruang pejabat dalam bangunan yang dimiliki oleh amanah harta tanah yang mana Kumpulan AMDB mempunyai kepentingan besar. Tan Sri Dato' Azman Hashim dianggap mempunyai kepentingan melalui pegangan sahamnya di dalam Arab-Malaysian Corporation Berhad yang mempunyai kepentingan besar dalam AMDB; dan
- (b) AmBank Berhad, bank komersil yang berkaitan telah memeterai perjanjian penyewaan dengan syarikat di mana Troost Sdn Bhd mempunyai kepentingan besar. Tan Sri Dato' Azman Hashim dianggap mempunyai kepentingan melalui pegangan sahamnya di dalam Troost Sdn Bhd.

Sama ada semasa atau pada akhir tahun kewangan, Bank tidak terlibat dalam sebarang urusan bertujuan membolehkan para pengarah memperolehi manfaat-manfaat melalui pemerolehan saham atau debentur Bank atau lain-lain badan korporat kecuali opsyen saham yang diberi kepada para pengarah menurut Skim Opsyen Saham Pekerja syarikat induk muktamad seperti yang didedahkan di atas.

### Syarikat Induk Muktamad

Bank adalah syarikat subsidiari dimiliki penuh oleh AMMB Holdings Berhad, syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan disebut harga di Papan Utama Bursa Malaysia yang juga dianggap sebagai syarikat induk muktamadinya.

### Juruaudit

Juruaudit, Tetuan Deloitte KassimChan, telah menyatakan mereka tidak akan meminta dilantik semula pada Mesyuarat Am Tahunan Bank yang akan datang.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah,



**TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM**



**CHEAH TEK KUANG**

Kuala Lumpur  
31 Mei 2004

# Laporan Juruaudit kepada Ahli-ahli

Kami telah mengaudit lampiran kunci kira-kira pada 31 Mac 2004 dan penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran wang tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut. Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab para pengarah Bank. Tanggungjawab kami hanya memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami.

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami membuat perancangan dan melaksanakan audit untuk memperolehi maklumat dan keterangan, di mana kami anggap perlu untuk menyediakan bukti bagi memberi jaminan yang berpatutan bahawa penyata kewangan adalah bebas daripada kenyataan salah yang ketara. Pengauditan merangkumi pemeriksaan dengan menggunakan asas ujian, bukti yang menyokong amaun dan pendedahan yang dinyatakan dalam penyata kewangan. Pengauditan juga termasuk penilaian penggunaan prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah serta penilaian-penilaian keseluruhan pembentangan penyata kewangan. Kami yakin pengauditan kami memberi asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan sempurna mengikut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dengan pengubahsuaian dan pengecualian sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, berdasarkan Seksyen kecil (19) Seksyen 169 Akta tersebut dan piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang:
  - (i) kedudukan urusan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Mac 2004 dan keputusan serta aliran wang tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta tersebut yang perlu diuruskan dalam penyata kewangan serta penyata kewangan disatukan; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, termasuk buku-buku daftar yang perlu disimpan di bawah Akta tersebut oleh Bank dan syarikat-syarikat subsidiari telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Bank adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana dikehendaki oleh kami bagi tujuan-tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari tersebut tidak tertakluk kepada sebarang pembatasan dan tidak mengandungi sebarang teguran dibuat di bawah Seksyen kecil (3) Seksyen 174 Akta tersebut.



**DELOITTE KASSIMCHAN**

AF 0080

Akauntan Bertauliah



**LAI CAN YIEW**

2179/09/05(J)

Rakan Kongsi

Kuala Lumpur

31 Mei 2004



# Kunci Kira-kira

Pada 31 Mac 2004

	Nota	2004		2003	
		Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
<b>ASET</b>					
Wang tunai dan dana jangka pendek	4	2,635,157	2,159,236	1,314,331	1,289,066
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik		2,288	-	6,837	-
Deposit dengan institusi kewangan	5	249,727	628,500	401,256	567,530
Sekuriti perniagaan	6	3,150,922	3,131,922	5,909,901	5,890,854
Sekuriti pelaburan	7	3,407,340	3,117,166	2,113,098	2,001,074
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	8	5,274,910	5,102,410	5,582,323	5,386,404
Lain-lain aset	9	377,397	358,102	491,734	474,893
Aset pencuciaan tertunda	35	22,176	22,176	23,898	23,898
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	10	324,404	324,404	339,827	339,827
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	11	-	38,617	-	38,617
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	12	145,960	112,598	147,054	123,631
Harta dan kelengkapan	13	54,168	52,036	53,692	51,943
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>15,644,449</b>	<b>15,047,167</b>	<b>16,383,951</b>	<b>16,187,737</b>
<b>TANGGUNGAN DAN DANA PEMEGANG SAHAM</b>					
Deposit daripada pelanggan	14	5,929,859	5,382,465	5,302,273	4,887,811
Deposit bank dan lain-lain institusi kewangan	15	5,484,253	5,647,005	7,173,206	7,452,965
Jualan sekuriti bawah perjanjian beli-balik	16	1,484,551	1,470,044	1,530,403	1,530,403
Penerimaan belum bayar	17	7,145	7,145	16,822	16,822
Amaun terhutang kepada Cagamas Berhad	18	153,104	153,104	243,757	243,757
Lain-lain tanggungan	19	93,238	83,815	109,544	100,460
Pinjaman berjangka	20	304,000	190,000	380,000	380,000
Sijil deposit bersubordinat	21	197,418	197,418	196,064	196,064
Bon bersubordinat boleh ditebus dan tidak bercagar	22	460,000	460,000	-	-
Jumlah Tanggungan		<b>14,113,568</b>	<b>13,590,996</b>	<b>14,952,069</b>	<b>14,808,282</b>
Kepentingan minoriti	23	4,655	-	4,722	-
Modal saham	24	300,000	300,000	300,000	300,000
Stok Pinjaman Berfaedah, Tidak Boleh Ditebus, Boleh Diubah dan Tidak Bercagar 2002/2007 (ICULS)	25	120,000	120,000	120,000	120,000
Rizab	26	1,106,226	1,036,171	1,007,160	959,455
Dana Pemegang Saham		<b>1,526,226</b>	<b>1,456,171</b>	<b>1,427,160</b>	<b>1,379,455</b>
<b>JUMLAH TANGGUNGAN DAN DANA PEMEGANG SAHAM</b>		<b>15,644,449</b>	<b>15,047,167</b>	<b>16,383,951</b>	<b>16,187,737</b>
<b>PENGLIBATAN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKA</b>					
	41	<b>9,720,691</b>	<b>9,704,828</b>	<b>8,367,399</b>	<b>8,382,301</b>
<b>ASET KETARA BERSIH SESAHAM (RM)</b>	44	<b>7.53</b>	<b>7.28</b>	<b>7.02</b>	<b>6.90</b>
<b>ASET KETARA BERSIH SESAHAM, SELEPAS TOLAK AMAUN NOMINAL ICULS 2002/2007 DAN MODAL SAHAM KEUTAMAAN (RM)</b>	44	<b>6.43</b>	<b>6.18</b>	<b>5.92</b>	<b>5.80</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

# Penyata Pendapatan

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	Nota	2004		2003	
		Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Pendapatan faedah	27	<b>582,602</b>	<b>573,545</b>	591,856	591,355
Perbelanjaan faedah	28	<b>(435,233)</b>	<b>(433,530)</b>	(369,505)	(372,566)
Pendapatan faedah bersih		<b>147,369</b>	<b>140,015</b>	222,351	218,789
Pendapatan daripada Perniagaan Perbankan Islam	50 (xxiii)	<b>52,176</b>	<b>52,176</b>	45,080	45,080
		<b>199,545</b>	<b>192,191</b>	267,431	263,869
Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan	29	<b>(109,307)</b>	<b>(103,104)</b>	(243,235)	(232,334)
		<b>90,238</b>	<b>89,087</b>	24,196	31,535
Pendapatan bukan faedah	30	<b>249,315</b>	<b>222,073</b>	275,451	255,100
Peruntukan rosot nilai pelaburan - bersih		<b>(45,098)</b>	<b>(41,010)</b>	(2,425)	(1,788)
Masuk kira semula/(Peruntukan) pelbagai hutang ragu - bersih		<b>8,968</b>	<b>(2,676)</b>	(8,257)	842
Pindahan daripada/(kepada) rizab penyamaan keuntungan		<b>970</b>	<b>970</b>	(970)	(970)
		<b>304,393</b>	<b>268,444</b>	287,995	284,719
Perbelanjaan bukan faedah	31	<b>(129,467)</b>	<b>(106,216)</b>	(122,125)	(102,826)
Keuntungan sebelum bahagian keputusan syarikat bersekutu dan pencukaian		<b>174,926</b>	<b>162,228</b>	165,870	181,893
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu		<b>18,294</b>	-	2,813	-
		<b>193,220</b>	<b>162,228</b>	168,683	181,893
Keuntungan sebelum pencukaian	34	<b>(54,681)</b>	<b>(49,492)</b>	(46,915)	(43,539)
		<b>138,539</b>	<b>112,736</b>	121,768	138,354
Keuntungan sebelum kepentingan minoriti		<b>138,539</b>	<b>112,736</b>	121,768	138,354
Kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti dalam keputusan syarikat-syarikat subsidiari	23	<b>(3,453)</b>	-	(2,954)	-
		<b>135,086</b>	<b>112,736</b>	118,814	138,354
<b>KEUNTUNGAN BERSIH HAK PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM BANK</b>		<b>135,086</b>	<b>112,736</b>	118,814	138,354
<b>PENDAPATAN BAGI SESAHAM (SEN)</b>	37				
Asas		<b>60.3</b>	<b>49.2</b>	52.2	62.0
Tercair		<b>40.3</b>	<b>33.5</b>	35.4	41.3
<b>DIVIDEN KASAR BAGI SESAHAM (SEN)</b>					
Dividen pertama dan terakhir saham biasa dicadangkan		<b>25.0</b>	<b>25.0</b>	15.0	15.0
Dividen keutamaan dicadangkan		<b>10.0</b>	<b>10.0</b>	10.0	10.0

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

# Penyata Perubahan dalam Ekuiti

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	Modal saham RM'000	ICULS RM'000	Tidak boleh diagihkan			Boleh diagihkan		Jumlah RM'000	
			Rizab modal RM'000	Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab pertukaran mata wang RM'000	Rizab am RM'000		Keuntungan tidak diagihkan RM'000
<b>Kumpulan</b>									
<b>Baki pada 1 April 2002</b>									
Dinyatakan sebelum ini	300,000	-	2,815	60,284	300,000	29,618	7,000	475,225	1,174,942
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-	-	-	49,404	49,404
Dinyatakan semula	300,000	-	2,815	60,284	300,000	29,618	7,000	524,629	1,224,346
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	-	-	-	118,814	118,814
Reklasifikasi	-	120,000	-	-	-	-	(7,000)	7,000	120,000
Faedah ICULS	-	-	-	-	-	-	-	(7,200)	(7,200)
Dividen keutamaan dicadangkan	-	-	-	-	-	-	-	(7,200)	(7,200)
Dividen biasa dibayar	-	-	-	-	-	-	-	(21,600)	(21,600)
<b>Baki pada 31 Mac 2003</b>	<b>300,000</b>	<b>120,000</b>	<b>2,815</b>	<b>60,284</b>	<b>300,000</b>	<b>29,618</b>	<b>-</b>	<b>614,443</b>	<b>1,427,160</b>
<b>Kumpulan</b>									
<b>Baki pada 1 April 2003</b>									
Dinyatakan sebelum ini	300,000	120,000	2,815	60,284	300,000	29,618	-	591,474	1,404,191
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-	-	-	22,969	22,969
Dinyatakan semula	300,000	120,000	2,815	60,284	300,000	29,618	-	614,443	1,427,160
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	-	-	-	135,086	135,086
Faedah ICULS	-	-	-	-	-	-	-	(7,220)	(7,220)
Dividen keutamaan dicadangkan	-	-	-	-	-	-	-	(7,200)	(7,200)
Dividen biasa dibayar	-	-	-	-	-	-	-	(21,600)	(21,600)
<b>Baki pada 31 Mac 2004</b>	<b>300,000</b>	<b>120,000</b>	<b>2,815</b>	<b>60,284</b>	<b>300,000</b>	<b>29,618</b>	<b>-</b>	<b>713,509</b>	<b>1,526,226</b>



# Penyata Perubahan dalam Ekuiti (Samb.)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	Modal saham RM'000	ICULS RM'000	Tidak boleh diagihkan		Boleh diagihkan		Jumlah RM'000
			Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab am RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000	
<b>Bank</b>							
<b>Baki pada 1 April 2002</b>							
Dinyatakan sebelum ini	300,000	-	60,284	300,000	7,000	447,444	1,114,728
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-	42,373	42,373
Dinyatakan semula	300,000	-	60,284	300,000	7,000	489,817	1,157,101
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	-	138,354	138,354
Reklasifikasi	-	120,000	-	-	(7,000)	7,000	120,000
Faedah ICULS	-	-	-	-	-	(7,200)	(7,200)
Dividen keutamaan dicadangkan	-	-	-	-	-	(7,200)	(7,200)
Dividen biasa dibayar	-	-	-	-	-	(21,600)	(21,600)
<b>Baki pada 31 Mac 2003</b>	<b>300,000</b>	<b>120,000</b>	<b>60,284</b>	<b>300,000</b>	<b>-</b>	<b>599,171</b>	<b>1,379,455</b>
<b>Bank</b>							
<b>Baki pada 1 April 2003</b>							
Dinyatakan sebelum ini	300,000	120,000	60,284	300,000	-	576,202	1,356,486
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-	22,969	22,969
Dinyatakan semula	300,000	120,000	60,284	300,000	-	599,171	1,379,455
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	-	112,736	112,736
Faedah ICULS	-	-	-	-	-	(7,220)	(7,220)
Dividen keutamaan dicadangkan	-	-	-	-	-	(7,200)	(7,200)
Dividen biasa dibayar	-	-	-	-	-	(21,600)	(21,600)
<b>Baki pada 31 Mac 2004</b>	<b>300,000</b>	<b>120,000</b>	<b>60,284</b>	<b>300,000</b>	<b>-</b>	<b>675,887</b>	<b>1,456,171</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.



# Penyata Aliran Wang Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
<b>ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI</b>				
Keuntungan sebelum cukai	193,220	162,228	168,683	181,893
Campur/(Tolak) pelarasan:				
Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan selepas bayaran balik	109,307	103,104	243,235	232,334
Peruntukan rosot nilai pelaburan - bersih	45,098	41,010	2,425	1,788
Faedah tertanggung bersih	40,542	37,865	86,412	73,570
Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun - bersih	23,837	25,592	117	117
Susut nilai harta dan kelengkapan	14,105	13,173	14,368	13,350
Pendapatan tertanggung bersih	3,950	3,950	933	933
Pelunasan premium pembelian	1,274	-	1,274	-
Pelbagai hutang ragu dihapuskan - bersih	332	321	1,148	1,714
Harta dan kelengkapan dihapuskan	104	96	184	184
Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan	(37,473)	(53,697)	(3,757)	(19,321)
Keuntungan jualan sekuriti disebut harga - bersih	(25,334)	(25,295)	(11,859)	(11,572)
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	(18,294)	-	(2,813)	-
Keuntungan jualan pelaburan tidak disebut harga - bersih	(9,143)	(9,143)	-	-
(Masuk kira semula)/Peruntukan pelbagai hutang ragu - bersih	(8,968)	2,676	8,257	(842)
Pindah (daripada)/kepada rizab penyamaan keuntungan	(970)	(970)	970	970
Keuntungan jualan harta dan kelengkapan	(314)	(314)	(607)	(554)
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	331,273	300,596	508,970	474,564
Pengurangan/(Pertambahan) Aset Operasi				
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	4,549	-	880	-
Deposit dengan institusi-institusi kewangan	151,529	(60,970)	75,344	450,606
Sekuriti perniagaan	2,758,979	2,758,932	(3,490,400)	(3,471,940)
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	153,614	139,075	913,988	742,370
Lain-lain aset	115,420	110,763	(5,449)	(4,966)
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	15,423	15,423	(3,276)	(3,277)
Pertambahan/(Pengurangan) Tanggungan Operasi				
Deposit daripada pelanggan	627,586	494,654	(54,191)	(307,873)
Deposit bank dan lain-lain institusi kewangan	(1,688,953)	(1,805,960)	2,232,705	2,354,264
Sekuriti dijual bawah perjanjian beli-balik	(45,852)	(60,359)	452,822	452,822
Penerimaan belum dibayar	(9,677)	(9,677)	(21,781)	(21,781)
Jumlah terutang kepada Cagamas Berhad	(90,653)	(90,653)	9,022	9,022
Lain-lain tanggungan	(19,326)	(21,521)	20,674	20,318
Wang Tunai Diwujudkan Daripada Kegiatan Operasi	2,303,912	1,770,303	639,308	694,129
Pembayaran cukai	(33,936)	(31,382)	(56,601)	(54,869)
Wang Tunai Bersih Diwujudkan Daripada Kegiatan Operasi	2,269,976	1,738,921	582,707	639,260

# Penyata Aliran Wang Tunai *(Samb.)*

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
<b>ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA</b>				
<b>KEGIATAN PELABURAN</b>				
Pembayaran balik modal daripada syarikat-syarikat bersekutu	10,395	10,395	-	-
Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan	28,657	28,657	2,777	2,746
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu	2,571	2,571	765	765
Perolehan daripada penjualan syarikat bersekutu	638	638	-	-
Perolehan daripada penjualan harta dan kelengkapan	331	331	608	555
Pembelian sekuriti pelaburan - bersih	(1,328,700)	(1,148,256)	(124,752)	(71,620)
Pembelian harta dan kelengkapan	(14,702)	(13,379)	(30,264)	(30,060)
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat subsidiari	-	9,112	-	10,463
Perolehan daripada pelupusan perniagaan perkhidmatan komersil (Nota 2)	-	-	78,142	78,142
Pemerolehan tambahan saham dalam syarikat subsidiari (Nota 1)	-	-	328	(56)
Wang Tunai Bersih Digunakan Dalam Kegiatan Pelaburan	(1,300,810)	(1,109,931)	(72,396)	(9,065)
<b>ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA</b>				
<b>KEGIATAN KEWANGAN</b>				
Perolehan daripada Bon Bersubordinat Boleh Ditebus dan Tidak Bercagar (Pembayaran balik)/Perolehan daripada pinjaman berjangka	460,000	460,000	-	-
Dividen dibayar oleh Bank kepada pemegang saham	(21,600)	(21,600)	(28,800)	(28,800)
Faedah dibayar	(7,220)	(7,220)	(7,200)	(7,200)
Dividen dibayar kepada kepentingan minoriti	(3,520)	-	(1,775)	-
Pembayaran balik pinjaman berjangka bersubordinat	-	-	(100,000)	(100,000)
Wang Tunai Bersih Daripada Kegiatan Kewangan	351,660	241,180	52,223	53,998
Pertambahan Bersih Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai	1,320,826	870,170	562,534	684,193
Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai Pada Awal Tahun	1,314,331	1,289,066	751,797	604,873
Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai Pada Akhir Tahun (Nota 3)	2,635,157	2,159,236	1,314,331	1,289,066



# Penyata Aliran Wang Tunai *(Samb.)*

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

## Nota 1: Pemerolehan MVMl

Nilai saksama aset dan tanggungan dianggap timbul daripada pemerolehan 10% faedah ekuiti dalam Malaysian Ventures Management Incorporated Sdn Bhd (MVMl), dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003 adalah seperti berikut:

	<b>Diaudit 31 Disember 2001 RM'000</b>
<b>Pengambilan aset bersih:</b>	
Harta dan kelengkapan	8
Lain-lain aset	246
Wang tunai dan dana jangka pendek	384
Lain-lain tanggungan	(74)
	<hr/>
Pengambilan aset bersih	564
Tolak: Kepentingan minoriti	(232)
	<hr/>
Tolak: Jumlah yang dikira sebagai syarikat bersekutu	332 (276)
	<hr/>
Nilai pembelian dibayar	56
Tolak: Wang tunai dan dana jangka pendek	(384)
	<hr/>
Aliran wang tunai akibat pengambilalihan, bersih daripada pemerolehan wang tunai	<hr/> (328)

## Nota 2: Pelupusan Perniagaan Perkhidmatan Komersil

Nilai saksama aset dan tanggungan timbul daripada pelupusan perniagaan perkhidmatan komersil kepada bank komersil berkaitan, AmBank Berhad dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003 adalah seperti berikut:

	<b>Tidak diaudit 31 Oktober 2002 RM'000</b>
<b>Pelupusan aset bersih:</b>	
Harta dan kelengkapan	70
Lain-lain aset	154
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	79,934
Lain-lain tanggungan	(2,016)
	<hr/>
Pelupusan aset bersih	<hr/> 78,142

## Nota 3: Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Bagi tujuan penyata aliran wang tunai dan kesamaan wang tunai dan dana jangka pendek ditolak overdraf bank. Wang tunai dan kesamaan wang tunai termasuk dalam penyata wang aliran wang tunai terdiri daripada amaun kunci kira-kira yang berikut:

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Wang tunai dan dana jangka pendek	<b>2,635,157</b>	<b>2,159,236</b>	1,314,331	1,289,066

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

# Nota-nota Penyata Kewangan

## 1. Kegiatan Utama

Bank dan syarikat-syarikat subsidiari, seperti disenaraikan dalam Nota 11 menyediakan rangkaian perkhidmatan perbankan saudagar dan perkhidmatan kewangan berkaitan termasuk Perniagaan Perbankan Islam, nasihat pelaburan dan pengurusan aset, amanah-amanah harta tanah dan saham.

Dalam tahun kewangan, tiada perubahan penting berlaku di dalam kegiatan Bank dan syarikat-syarikat subsidiari.

Pejabat berdaftar dan tempat urusniaga utama Bank terletak di tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

## 2. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi Kumpulan dan Bank telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah untuk terbitan pada 31 Mei 2004.

Penyata Kewangan Kumpulan dan Bank disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan, 1989, dan piawaian-piawaian perakaunan diluluskan dan diterima oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Penyata kewangan juga meliputi kegiatan Perniagaan Perbankan Islam yang dijalankan oleh Bank. Perniagaan Perbankan Islam secara amnya merujuk kepada penerimaan deposit dan tawaran pembiayaan di bawah dasar Syariah.

## 3. Dasar-dasar Penting Perakaunan

Kumpulan dan Bank telah menyerap polisi-polisi perakaunan secara teratur dengan nilai-nilai serapan dalam tahun lepas kecuali piawaian baru oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang berkuatkuasa dalam tahun kewangan semasa:

- (i) MASB 25, Cukai Pendapatan diambilkira secara retrospektif. Perbandingan angka telah dinyatakan semula untuk menggambarkan kesan perubahan polisi perakaunan.
- (ii) MASB 27, Kos Pinjaman. Serapan tidak memberi apa-apa kesan ke atas penyata kewangan kerana polisi perakaunan sebelumnya mengikut piawaian.
- (iii) MASB 28, Operasi yang Dibatalkan. Serapan tidak memberi apa-apa kesan ke atas penyata kewangan.
- (iv) MASB 29, Manfaat Pekerja diambilkira secara retrospektif. Serapan tidak memberi apa-apa kesan ke atas penyata kewangan kerana polisi perakaunan sebelumnya mengikut piawaian tersebut.
- (v) MASB i-1, Perbentangan penyata kewangan Institusi Kewangan Islam. Serapan meluaskan bentuk pendedahan untuk Perniagaan Kumpulan Perbankan Islam.

MASB 30, Perakaunan dan Laporan oleh Rancangan Manfaat Persaraan tidak diterapkan kerana ianya tidak bersesuaian kepada Kumpulan dan Bank.

Kesan ke atas penyerapan MASB 25, Cukai Pendapatan, baki permulaan keuntungan tidak diagihkan Kumpulan dan Bank telah dirumuskan sebagai pelarasan tahun lepas dalam Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan maklumat selanjutnya didedahkan dalam penyata kewangan Nota 49.



# Nota-nota Penyata Kewangan *(Samb.)*

## Asas Perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah.

## Asas Penyatuan

Penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari disatukan menggunakan kaedah pemerolehan perakaunan dan penyata kewangan Kumpulan meliputi penyata kewangan Bank dan kesemua syarikat-syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan seperti disenaraikan dalam Nota 11 kecuali bagi Malaysian Ventures Management Incorporated Sdn Bhd di mana penyata kewangan mereka disediakan sehingga 31 Disember 2003 dengan pelarasan, di mana sesuai, dibuat untuk urusan penting yang berlaku di antara 1 Januari 2004 hingga 31 Mac 2004.

Di bawah kaedah pemerolehan perakaunan, keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diperolehi atau dijual sepanjang tahun kewangan telah disertakan di dalam penyata kewangan Kumpulan daripada tarikh efektif pemerolehan atau hingga tarikh efektif penjualan, mana yang berkaitan. Kesemua urusan dan baki di antara syarikat penting telah dihapuskan bila disatukan.

## Perjanjian Pembelian Balik

Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian penjualan balik adalah sekuriti yang dibeli oleh Kumpulan dan Bank dengan komitmen untuk menjual balik pada masa hadapan. Komitmen untuk menjual balik sekuriti tersebut direkodkan sebagai aset di dalam kunci kira-kira.

Sebaliknya, tanggungan ke atas sekuriti yang dijual di bawah perjanjian pembelian balik adalah sekuriti yang dijual oleh Kumpulan dan Bank daripada portfolionya, dengan komitmen untuk membeli balik pada masa hadapan bagi tujuan pendanaan. Nilai yang mengiringi sekuriti perjanjian pembelian balik tetap di dalam akaun aset masing-masing, sementara kewajipan membeli balik sekuriti pada harga dipersetujui dan pada tarikh masa hadapan yang ditentukan diambilkira sebagai tanggungan dalam kunci kira-kira.

## Sekuriti Perniagaan

Sekuriti perniagaan adalah sekuriti pasaran dibeli dan dipegang dengan tujuan untuk dijual semula dalam jangka masa pendek.

Sekuriti pasaran wang, sekuriti pertukaran hutang ekuiti, sekuriti disebut harga dan sekuriti hutang persendirian dinyatakan pada kos atau nilai pasaran berasaskan portfolio, yang mana lebih rendah.

Pindahan di antara sekuriti perniagaan dan sekuriti pelaburan, jika ada, dilaksanakan dengan menggunakan nilai kos dan nilai pasaran, yang mana lebih rendah.

## Sekuriti Pelaburan

Sekuriti pelaburan adalah sekuriti dibeli dan dipegang untuk hasil atau pertumbuhan modal atau untuk memenuhi keperluan minimum aset mudah cair menurut seksyen 38, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan, 1989 dan biasanya dipegang sehingga matang.

Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas dan lain-lain sekuriti Kerajaan serta sekuriti hutang persendirian yang dijamin oleh bank dinyatakan pada kos setelah pelarasan untuk pelunasan premium atau peningkatan diskaun. Lain-lain sekuriti hutang persendirian dinyatakan pada kos atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah.

Lain-lain sekuriti pelaburan dinyatakan pada kos dan peruntukan akan dibuat bila terdapat sebarang rosot nilai yang kekal.

Pindahan di antara sekuriti pelaburan dan sekuriti perniagaan, jika ada, dilaksanakan dengan menggunakan nilai kos atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah.

# Nota-nota Penyata Kewangan *(Samb.)*

## **Penghutang Ragu dan Pembiayaan**

Berdasarkan pada penilaian pihak pengurusan ke atas portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, peruntukan tertentu hutang ragu dan pembiayaan disediakan apabila kemungkinan kutipan tidak dapat ditentukan. Untuk penilaian kemungkinan kutipan, pihak pengurusan menimbangkan beberapa faktor seperti keadaan kewangan peminjam, anjuran aliran wang tunai, pengurusan, kualiti cagaran atau jaminan bagi hutang belum diterima serta keadaan ekonomi semasa dan dijangkakan.

Peruntukan am juga disediakan berasaskan pada peratusan yang ditetapkan bagi pertambahan bersih hutang dan pembiayaan belum diterima. Peratusan ini dikaji setiap tahun berdasarkan pengalaman di masa lampau dan keadaan semasa dan jika perlu, pelarasan dibuat pada peruntukan am keseluruhannya.

Pinjaman atau pembiayaan yang tidak boleh dipungut atau sebahagian daripadanya yang dikelaskan sebagai lapuk adalah dihapuskan selepas mengambilkira nilai realisasi cagaran, jika ada, apabila pengurusan berpendapat tiada peluang untuk memungutnya.

## **Penghutang Perdagangan dan Lain-lain**

Penghutang perdagangan dan lain-lain dinyatakan pada nilai buku setelah dikurang peruntukan sewajarnya berdasarkan amaun dianggap tidak dapat balik. Peruntukan hutang ragu disediakan berdasarkan kemungkinan kerugian dianggap tidak dapat kutipan daripada penghutang tertentu.

## **Harta-harta Perampasan**

Harta-harta perampasan adalah pemerolehan sepenuh atau separa penjelasan hutang dan dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosot nilai harta tersebut, jika ada.

## **Amaun Boleh Dibayar Balik daripada Danaharta Nasional Berhad (Danaharta)**

Ini adalah berkaitan dengan penjualan pinjaman kepada Danaharta di mana jumlah ganjaran diterima dalam dua bahagian; apabila pinjaman dijual (ganjaran awal) dan apabila pinjaman dibayar balik (ganjaran akhir). Amaun ganjaran akhir merupakan bahagian Bank yang ditentukan terlebih dahulu ke atas lebih daripada ganjaran awal apabila pinjaman dan pembiayaan dibayar balik.

Perbezaan di antara nilai kos buku pinjaman dan ganjaran awal adalah dikenali sebagai "Amaun boleh dibayar balik daripada Danaharta" di dalam komponen "Lain-lain Aset" dalam kunci kira-kira disatukan. Peruntukan ke atas amaun ini disediakan untuk membayangkan penilaian para pengarah ke atas nilai realisasi untuk ganjaran akhir pada tarikh kunci kira-kira.

## **Ihsan/Premium Berpunca daripada Penyatuan**

Ihsan berpunca daripada penyatuan merupakan lebih harga pembelian terhadap bahagian atas nilai saksama untuk aset bersih syarikat-syarikat subsidiari pada tarikh pemerolehan.

Ihsan berpunca daripada penyatuan akan diiktiraf sebagai aset dan pada umumnya dilunaskan sepanjang tempoh antara dua puluh hingga lima puluh tahun.

Premium berpunca daripada penyatuan atas pemerolehan syarikat-syarikat bersekutu adalah termasuk dalam amaun pegangan syarikat-syarikat bersekutu dan merupakan lebih harga pembelian terhadap kepentingan Kumpulan atas nilai saksama untuk aset bersih yang dikenal pasti syarikat-syarikat bersekutu pada tarikh pemerolehan. Premium berpunca daripada penyatuan atas pemerolehan syarikat-syarikat bersekutu dilunaskan sepanjang tempoh dua puluh lima tahun.

la terdapat tanda-tanda yang menunjukkan kemerosotan akan terjadi, amaun pegangan ihsan akan dikaji dan diturunkan nilai serta merta kepada amaun boleh diterimanya.



# Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

## Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan berkuasa untuk mengawal polisi kewangan dan operasi dengan tujuan untuk memperolehi keuntungan daripada aktiviti-aktiviti mereka.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, yang dihapuskan apabila disatukan, dinyatakan dalam penyata kewangan Bank pada kos atau penilaian para pengarah, dan disusut kira apabila para pengarah mendapati terdapat kerugian kemerosotan nilai selain daripada pengurangan nilai sementara pelaburan tersebut. Kerugian kemerosotan nilai tersebut dicaj ke dalam penyata pendapatan.

## Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang antara 20% hingga 50% dan di mana Kumpulan mempunyai wakil dalam Lembaga Pengarah serta mampu mempengaruhi pengurusan syarikat berkenaan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos, dan disusut kira apabila para pengarah mendapati terdapat kerugian kemerosotan nilai selain daripada pengurangan nilai sementara pelaburan tersebut. Kerugian kemerosotan nilai tersebut dicaj ke dalam penyata pendapatan. Dalam penyata kewangan disatukan, keputusan syarikat-syarikat bersekutu diambilkira di bawah kaedah ekuiti di mana bahagian keuntungan bagi Kumpulan ditolak kerugian daripada syarikat-syarikat bersekutu selepas pemerolehan adalah termasuk di dalam penyata pendapatan disatukan dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan dicampur pelarasan-pelarasan bagi mencerminkan perubahan dalam bahagian Kumpulan ke atas aset bersih syarikat-syarikat bersekutu di dalam kunci kira-kira disatukan.

## Harta dan Kelengkapan dan Susut Nilai

Harta dan kelengkapan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai.

Keuntungan atau kerugian timbul daripada penjualan sesuatu aset ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan penjualan bersih yang dianggarkan dan amaun pegangan aset, dan diiktirafkan dalam penyata pendapatan.

Tiada susut nilai diperuntukkan bagi tanah milik bebas. Harta tanah pegangan pajak dilunaskan antara sepanjang tempoh pajakan atau lima puluh tahun, yang mana lebih pendek. Susut nilai lain-lain harta dan kelengkapan dikira menggunakan kaedah sama rata pada kadar-kadar berdasarkan anggaran hayat kegunaan masing-masing.

Kadar susut nilai tahunan bagi pelbagai jenis harta dan kelengkapan adalah seperti berikut:

Bangunan milik bebas	2%
Bangunan pegangan pajak	2%
Kenderaan bermotor	20%
Pembaikan pegangan pajak	20%
Peralatan komputer dan perisian	20% - 33 1/3%
Kelengkapan pejabat dan kediaman, perabot dan perkakas	10% - 33 1/3%

## Aset Dibeli di bawah Pajakan

Aset dibeli di bawah pajakan di mana terdapat pemindahan manfaat dan risiko pemilihan yang besar ke atas aset kepada penerima pajakan telah dipermodalkan sebagai harta dan kelengkapan. Aset dan kewajipan sewaan berkenaan telah direkodkan pada nilai semasa pembayaran sewa minimum atau nilai saksama aset pajakan pada tempoh permulaan pajakan, yang mana lebih rendah.

Pajakan yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut adalah dikelaskan sebagai pajakan operasi dan sewa berkenaan telah dikenakan kepada penyata pendapatan.

Pada masa pajakan operasi ditamatkan sebelum habisnya tempoh pajakan, sebarang bayaran penalti yang dibuat kepada pemberi pajakan adalah diambilkira sebagai perbelanjaan semasa penamatan pajakan berlaku.





# Nota-nota Penyata Kewangan *(Samb.)*

## **Kemerosotan Aset**

Nilai pegangan aset akan dikaji untuk kemerosotan apabila terdapat tanda-tanda yang aset tersebut mungkin akan dirosotkan. Kemerosotan akan dikira dengan membandingkan nilai pegangan aset dengan amaun boleh diterima. Amaun tersebut adalah nilai realisasi dan nilai sedang digunakan, yang mana lebih tinggi, adalah dikira dengan merujuk kepada aliran wang tunai masa hadapan yang sudah didiskaun. Amaun diterima akan dianggarkan untuk setiap aset atau jika tidak mungkin, untuk unit yang menghasilkan wang tunai.

Kerugian kemerosotan akan dicaj kepada penyata pendapatan serta merta, kecuali aset tersebut direkodkan dengan amaun penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan untuk aset yang dinilai semula akan dianggap sebagai penurunan penilaian semula setakat lebih penilaian semula untuk aset yang sama yang sudah diiktiraf terdahulu.

Peningkatan selepasnya dalam amaun boleh diterima untuk sesuatu aset akan diambilkira sebagai kebalikan bagi kemerosotan dahulu dan akan diiktiraf setakat amaun pegangan aset tersebut yang sudah ditentukan (selepas pelunasan dan susutnilai) di mana kerugian kemerosotan tidak diiktiraf. Kebalikan berkenaan akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan serta merta, kecuali aset tersebut direkodkan dengan amaun penilaian semula. Kebalikan untuk kerugian kemerosotan ke atas aset yang dinilai semula akan dikreditkan dalam tambahan penilaian semula secara langsung. Tetapi, setakat kerugian kemerosotan ke atas aset yang sama yang dicajkan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dahulu, kebalikan untuk kemerosotan tersebut akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan.

## **Pindahan kepada Rizab Penyamaan Keuntungan (PER)**

PER merujuk kepada jumlah yang diasingkan keluar daripada jumlah pendapatan kasar bagi mengekalkan tahap pulangan pelabur deposit. PER ditolak daripada jumlah pendapatan kasar (untuk mendapat jumlah pendapatan bersih) yang telah diluluskan dan disahkan oleh Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia.

## **Peruntukan**

Peruntukan diambilkira apabila kemungkinan aliran keluar sumber manfaat ekonomi terangkum akan diperlukan untuk menjangka obligasi terkini penghasilan daripada peristiwa terjadi dan sesuatu amaun boleh dianggar dengan pasti.

## **Manfaat Pekerja**

### **(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan lain-lain manfaat bukan moneteri adalah diakrukan dalam tempoh yang mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan Kumpulan.

### **(ii) Pelan Sumbangan Tertentu**

Seperti yang disyaratkan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan seperti yang berlaku. Apabila sumbangan dibayar, Kumpulan tidak lagi mempunyai tanggungjawab pembayaran selanjutnya.

### **(iii) Manfaat Pampasan Ekuiti**

Skim opsyen saham pekerja syarikat induk muktamad, AMMB Holdings Berhad (AHB), membenarkan para pengarah dan kakitangan yang layak, kecuali para pengarah eksekutif yang mewakili Kerajaan atau institusi/agensi Kerajaan dan kakitangan Kerajaan yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan awam telah ditentukan di bawah Artikel 132 Perlembagaan Persekutuan untuk memperolehi saham AHB apabila diberi opsyen untuk melaksanakan, ekuiti bertambah dengan jumlah perolehan yang diterima.



# Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

## Kontrak-kontrak Pertukaran Hadapan

Kontrak pertukaran hadapan yang belum matang dinilai mengikut kadar hadapan pada tarikh kunci kira-kira menurut tarikh kematangan masing-masing dan keuntungan dan kerugian belum direalisasi diiktirafkan dalam penyata pendapatan.

## Kontrak-kontrak Pertukaran Kadar Faedah, Niaga Hadapan dan Kadar Hadapan

Bank berperanan sebagai perantara dengan pihak-pihak yang ingin menukargantikan tanggungan faedah mereka. Bank juga menggunakan kontrak-kontrak pertukaran kadar faedah, niaga hadapan, dan kadar hadapan dalam kegiatan perniagaannya dan dalam pengurusan risiko faedah secara keseluruhannya.

Pendapatan atau perbelanjaan faedah berkaitan dengan pertukaran kadar faedah yang layak sebagai perlindungan nilai, diiktirafkan sepanjang hayat perjanjian pertukaran sebagai komponen pendapatan atau perbelanjaan faedah. Keuntungan dan kerugian di atas kontrak-kontrak kadar faedah, niaga hadapan, dan kadar hadapan yang layak sebagai perlindungan nilai adalah kebiasaannya tertunda dan dilunas sepanjang hayat aset atau tanggungan dipertanggungjawabkan sebagai pelarasan pendapatan atau perbelanjaan faedah.

Keuntungan dan kerugian di atas kontrak-kontrak pertukaran kadar faedah, niaga hadapan, opsi dan kadar hadapan yang tidak berlayak sebagai perlindungan nilai, adalah diiktirafkan dengan menggunakan kaedah harga pasaran dan dinyatakan sebagai pendapatan atau kerugian perniagaan derivatif.

## Perjanjian Jual dan Beli Balik

Tanggungjawab Kumpulan adalah untuk melakukan komitmen untuk beli balik Sekuriti Islam tertentu yang matang. Keuntungan dan kerugian diambilkira apabila dijual dan ditunjukkan sebagai keuntungan dagangan atau kerugian daripada sekuriti perniagaan.

## Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan Faedah dan Pembiayaan

Pada umumnya, pendapatan faedah dan pembiayaan diiktiraf secara akrual menggunakan kaedah sama rata berdasarkan baki kesemua aset berfaedah belum dijelaskan. Pendapatan faedah termasuk pelunasan premium atau peningkatan diskaun yang diterima. Pendapatan pembiayaan dan faedah atas sekuriti pelaburan dan jualan diiktirafkan berdasarkan kadar efektif pendapatan.

Kumpulan dan Bank mengikut kaedah pembiayaan bagi mengiktiraf pendapatan daripada kegiatan pajakan. Mengikut kaedah pembiayaan, lebihan sewa terkumpul daripada kos harta pajakan (ditolak anggaran baki nilai pada akhir pajakan), diambilkira sebagai pendapatan selama tempoh pajakan dan jumlahnya berkurangan setara dengan susutan baki belum diperolehi menggunakan kaedah 'jumlah angka'.

Sungguhpun dasar Kumpulan dan Bank mengiktiraf pendapatan faedah dan pembiayaan berdasarkan akrual, pendapatan faedah dan pembiayaan daripada akaun-akaun tidak bergerak tidak diiktiraf sebagai pendapatan dan digantung melainkan wang tunai diterima atau perolehan wang tunai adalah pasti.

Sesuatu akaun dianggap tidak bergerak di mana pembayaran balik tertunggak melebihi enam bulan dan selepas tarikh kematangan bagi bil perdagangan, penerimaan jurubank dan penerimaan amanah.

Pengelasan pinjaman dan pembiayaan tidak bergerak adalah selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia bagi Pengelasan Pinjaman Tidak Bergerak dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Ragu.

Perbelanjaan faedah dan pendapatan hak deposit (berhubung dengan aktiviti-aktiviti perniagaan Perbankan Islam) ke atas deposit dan pinjaman Kumpulan dan Bank diakru mengikut kaedah sama rata.

## Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

### **Pengiktirafan Pendapatan Bayaran Khidmat dan Lain-lain Pendapatan**

Bayaran mengatur pinjaman, pengurusan dan penyertaan, komisyen penerimaan dan pemfaktoran, dan komisyen tata jamin diiktiraf sebagai pendapatan setelah perjanjian ditandatangani.

Bayaran khidmat nasihat dan kegiatan kewangan korporat diiktiraf sebagai pendapatan mengikut penyelesaian tahap kerja.

Bayaran khidmat pengurusan aset, amanah harta tanah dan unit amanah, agensi dan bayaran penglibatan diiktiraf sebagai pendapatan mengikut pembahagian masa.

Pendapatan daripada jualan unit-unit amanah diiktiraf apabila unit-unit diperuntukan, ditolak kos jualan unit-unit. Keuntungan dan kerugian penjualan pelaburan akan termasuk dalam penyata kewangan.

Bayaran jaminan diiktiraf sebagai pendapatan sepenuhnya pada waktu jaminan dikeluarkan dan di mana jangkamasa jaminan melebihi setahun, dibahagi sepanjang tempoh jaminan.

Pendapatan sewa kelengkapan dan harta tanah akan diiktiraf berdasarkan akruan.

Dividen daripada sekuriti perniagaan dan pelaburan diiktiraf bila diterima. Dividen daripada syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf bila hak untuk menerima bayaran ditentukan.

### **Cukai Pendapatan**

Pencukaian pada keuntungan dan kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai pendapatan diambilkira dalam penyata kewangan kecuali ianya berkaitan dengan perkara-perkara yang diambilkira secara langsung dalam ekuiti, yang mana ia akan diambilkira dalam ekuiti.

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan berdasarkan setiap bidang kuasa undang-undang pencukaian di mana Kumpulan beroperasi dan termasuk kesemua cukai berasaskan keuntungan yang boleh dicukai.

Pencukaian tertunda disediakan menggunakan kaedah tanggungan, perbezaan sementara yang muncul di antara cukai asas bagi aset dan tanggungan dan jumlah pegangan dalam penyata kewangan. Secara prinsip, tanggungan pencukaian tertunda diambilkira bagi semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset pencukaian tertunda diambilkira bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak dan kerugian cukai yang tidak digunakan bagi kemungkinan keuntungan boleh dicukai akan terdapat yang mana perbezaan sementara yang boleh ditolak dan kerugian cukai yang tidak digunakan sebelum ini boleh digunakan. Perbezaan sementara tidak diambilkira sebagai ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan permulaan aset dan tanggungan yang mana pada masa urusaniaga, tidak memberi kesan sama ada perakaunan atau keuntungan boleh dicukai. Jumlah pencukaian tertunda yang disediakan adalah berasaskan keadaan realisasi atau penyelesaian jumlah pegangan aset dan tanggungan, dijangka menggunakan kadar-kadar cukai yang digubal atau digubal substantif pada tarikh kunci kira-kira.

Sebelum penyerapan MASB 25 Cukai Pendapatan, kesan pencukaian daripada urusaniaga umumnya diiktiraf menggunakan kaedah 'tanggungan' dalam tahun urusaniaga diambilkira dalam penentuan pendapatan bersih dengan tidak mengendahkan bila perkara-perkara tersebut diiktirafkan untuk tujuan pencukaian. Bagaimanapun, sekiranya perbezaan masa mengakibatkan baki debit pada pencukaian tertunda, kesan pencukaian pada umumnya diiktiraf bila realisasi dikenal pasti dengan munasabah. Pertukaran polisi perakaunan diambilkira secara retrospektif dan kesan daripada perubahan itu ditunjukkan dalam Nota 49.



# Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

## Pertukaran Mata Wang Asing

Urusniaga dalam mata wang asing ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran terdapat pada tarikh-tarikh urusniaga berkenaan atau, sekiranya diliputi perjanjian pertukaran mata wang asing, ditukarkan pada kadar ditetapkan dalam perjanjian. Sekiranya penyelesaian belum dibuat pada tarikh kunci kira-kira, pertukaran kepada Ringgit Malaysia adalah pada kadar pertukaran paling hampir pada tarikh itu atau pada kadar ditetapkan dalam perjanjian. Semua keuntungan atau kerugian pertukaran mata wang diambilkira dalam penyata pendapatan.

Untuk tujuan penyatuan, aset dan tanggungan syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu yang dinyatakan dalam mata wang asing, ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran terdapat pada tarikh kunci kira-kira manakala penyata pendapatan berkaitan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran purata bagi tahun tersebut. Keuntungan atau kerugian timbul daripada pertukaran kepada Ringgit Malaysia diambilkira dalam rizab perubahan pertukaran mata wang. Kerugian pertukaran mata wang berlebihan amaun dalam rizab pertukaran mata wang asing jika ada, akan diambilkira dalam penyata pendapatan.

Kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira untuk tujuan pertukaran adalah seperti berikut:

	31.3.2004	31.3.2003
Singapore Dollar (SGD)	2.26	2.15
United States Dollar (USD)	3.80	3.80

Ihsan dan pelarasan nilai saksama timbul daripada pemerolehan entiti luar negeri akan dianggap sebagai aset dan tanggungan entiti luar negeri dan ditukarkan pada kadar pertukaran penutup.

## Pendapatan Operasi

Pendapatan operasi Kumpulan dan Bank merangkumi pendapatan faedah dan pembiayaan bersih selepas faedah dan pendapatan tergantung atau dibayar balik tetapi sebelum pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun, pendapatan yuran, pendapatan perniagaan bersih daripada penjualan sekuriti pasaran wang, pendapatan perniagaan bersih daripada derivatif, untung/rugi bersih daripada penjualan pelaburan disebut harga, pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga, pendapatan daripada Perniagaan Perbankan Islam sebelum pendapatan hak pelabur deposit, keuntungan tukaran mata wang asing dan peruntukan atau masuk kira semula bersih rosot nilai pelaburan.

## Penyata Aliran Wang Tunai

Kumpulan dan Bank menggunakan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran wang tunai.

## Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Untuk tujuan penyata aliran wang tunai, wang tunai dan kesamaan wang tunai meliputi wang tunai dan dana jangka pendek ditolak overdraf bank.

## Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

### 4. Wang Tunai dan Dana Jangka Pendek

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Wang tunai dan baki bank	6,375	3,906	25,524	20,633
Wang panggilan dan deposit matang dalam tempoh satu bulan:				
Bank berlesen:				
Subsidiari	-	-	-	152,353
Berkaitan	2,105	-	29,395	26,980
Lain-lain	868,747	397,400	269,100	100,000
Syarikat kewangan berlesen:				
Berkaitan	-	-	44,182	43,300
Lain-lain	-	-	20,330	20,000
Bank Negara Malaysia	1,700,500	1,700,500	925,800	925,800
Lain-lain institusi kewangan	57,430	57,430	-	-
	<b>2,635,157</b>	<b>2,159,236</b>	1,314,331	1,289,066

Termasuk di atas adalah pembiayaan antara bank berjumlah RM2,628,782,000 (RM1,288,807,000 pada 2003) dan RM2,155,330,000 (RM1,268,433,000 pada 2003) bagi Kumpulan dan Bank masing-masing.

### 5. Deposit dengan Institusi Kewangan

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Bank berlesen:				
Subsidiari	-	380,000	-	323,000
Berkaitan	1,227	-	35,126	-
Lain-lain	30,000	30,000	140,600	19,000
Lain-lain institusi kewangan	218,500	218,500	225,530	225,530
	<b>249,727</b>	<b>628,500</b>	401,256	567,530

Deposit dengan institusi kewangan akan matang dalam tempoh setahun.

Termasuk di atas adalah pembiayaan antara bank berjumlah RM248,500,000 (RM366,130,000 pada 2003) dan RM628,500,000 (RM567,530,000 pada 2003) bagi Kumpulan dan Bank masing-masing.



## Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

### 6. Sekuriti Perniagaan

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
<b>Sekuriti Pasaran Wang:</b>				
Bil perbendaharaan	28,463	28,463	357,224	357,224
Bil Bank Negara Malaysia	150,011	150,011	789,754	789,754
Sekuriti Kerajaan Malaysia	19,941	19,941	404,818	404,818
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	127,728	127,728	141,321	141,321
Nota Cagamas	87,442	87,442	29,796	29,796
Bon Cagamas	190,155	190,155	170,072	170,072
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga	381,447	381,447	13,655	13,655
Bon Khazanah	327,003	327,003	26,204	26,204
Bil Islam Bank Negara Malaysia	139,202	139,202	37,258	37,258
Bon Cagamas Mudharabah Pembawa	83,500	83,500	68,500	68,500
Bon Danaharta	19,162	19,162	65,507	65,507
Bon Danamodal	-	-	1,084	1,084
Instrumen deposit boleh niaga	-	-	378,683	378,683
	<b>1,554,054</b>	<b>1,554,054</b>	<b>2,483,876</b>	<b>2,483,876</b>
<b>Sekuriti Disebut Harga:</b>				
Saham	156,893	156,893	89,434	89,387
Unit amanah	2,049	2,049	2,049	2,049
Hak Langganan Boleh Pindah Milik/Waran	112	112	10,511	10,511
Stok pinjaman	4,258	4,258	4,418	4,418
Bon korporat	19,000	-	19,000	-
	<b>182,312</b>	<b>163,312</b>	<b>125,412</b>	<b>106,365</b>
<b>Pertukaran Hutang Ekuiti Tidak Disebut Harga dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan di Malaysia:</b>				
Bon korporat	18,261	18,261	18,261	18,261
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Tidak Disebut Harga dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan di Malaysia:</b>				
Bon korporat Islam	698,044	698,044	1,297,118	1,297,118
Nota korporat	95,428	95,428	37,806	37,806
Bon korporat	465,316	465,316	714,830	714,830
Nota korporat Islam	33,012	33,012	21,316	21,316
	<b>1,291,800</b>	<b>1,291,800</b>	<b>2,071,070</b>	<b>2,071,070</b>
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Dijamin Tidak Disebut Harga dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan di Malaysia:</b>				
Bon korporat	67,825	67,825	116,676	116,676
Nota korporat	49,601	49,601	1,094,606	1,094,606
Nota korporat Islam	5,491	5,491	-	-
	<b>122,917</b>	<b>122,917</b>	<b>1,211,282</b>	<b>1,211,282</b>
Peruntukan rosot nilai sekuriti perniagaan	3,169,344 (18,422)	3,150,344 (18,422)	5,909,901 -	5,890,854 -
Jumlah/Bersih	<b>3,150,922</b>	<b>3,131,922</b>	<b>5,909,901</b>	<b>5,890,854</b>

## Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
<b>Nilai Pasaran:</b>				
<b>Sekuriti Pasaran Wang:</b>				
Bil perbendaharaan	28,578	28,578	359,000	359,000
Bil Bank Negara Malaysia	150,863	150,863	792,523	792,523
Sekuriti Kerajaan Malaysia	19,708	19,708	404,667	404,667
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	127,341	127,341	141,357	141,357
Nota Cagamas	88,470	88,470	29,868	29,868
Bon Cagamas	188,874	188,874	170,219	170,219
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga	398,072	398,072	13,759	13,759
Bon Khazanah	327,227	327,227	26,557	26,557
Bil Islam Bank Negara Malaysia	139,636	139,636	37,331	37,331
Bon Cagamas Mudharabah Pembawa	82,693	82,693	68,560	68,560
Bon Danaharta	19,580	19,580	66,891	66,891
Bon Danamodal	-	-	1,095	1,095
Instrumen deposit boleh niaga	-	-	382,615	382,615
<b>Sekuriti Disebut Harga:</b>				
Saham	156,205	156,205	65,155	65,155
Unit amanah	1,727	1,727	1,426	1,426
Hak Langganan Boleh Pindah Milik/Waran	123	123	10,000	10,000
Stok pinjaman	2,329	2,329	2,474	2,474
Bon korporat	19,380	-	19,143	-
<b>Pertukaran Hutang Ekuiti Tidak Disebut Harga dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan di Malaysia:</b>				
Bon korporat	18,261	18,261	18,261	18,261
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Tidak Disebut Harga dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan di Malaysia:</b>				
Bon korporat Islam	675,454	675,454	1,310,858	1,310,858
Nota korporat	95,822	95,822	37,986	37,986
Bon korporat	453,401	453,401	728,489	728,489
Nota korporat Islam	33,432	33,432	21,345	21,345
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Dijamin Tidak Disebut Harga dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan di Malaysia:</b>				
Bon korporat	68,909	68,909	119,424	119,424
Nota korporat	49,915	49,915	1,092,684	1,092,684
Nota korporat Islam	5,461	5,461	-	-

Sekuriti pasaran wang tertentu yang dipegang telah dijual bawah perjanjian beli-balik bagi tujuan pendanaan. Nilai pegangan sekuriti tersebut seperti dinyatakan dalam perjanjian beli-balik tidak dikeluarkan daripada akaun aset masing-masing, sementara kewajipan membeli-balik sekuriti pada harga dipersetujui dan pada tarikh masa depan tertentu dianggap sebagai tanggungan seperti dinyatakan di dalam Nota 16.



## Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

### 7. Sekuriti Pelaburan

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
<b>Sekuriti Pasaran Wang:</b>				
Instrumen deposit boleh niaga	867,350	867,350	988,242	988,242
Bil Bank Negara Malaysia	148,771	-	-	-
Bon Khazanah	40,525	-	-	-
	<b>1,056,646</b>	<b>867,350</b>	988,242	988,242
<b>Sekuriti Disebut Harga:</b>				
Di Malaysia				
Saham	3	-	3	-
Bon korporat	38,000	-	38,000	-
Di luar Malaysia				
Bon korporat	19,000	-	41,800	-
	<b>57,003</b>	-	79,803	-
<b>Pertukaran Hutang Ekuiti:</b>				
Disebut harga di Malaysia				
Saham - <i>dengan opsi</i>	26,697	26,697	32,328	32,328
Saham	4,871	-	5,057	-
Stok pinjaman - <i>bersandar</i>	13,901	-	13,000	-
Stok pinjaman	181,005	181,005	191,710	189,599
Disebut harga di luar Malaysia				
Saham	3,189	-	3,029	-
Sekuriti tidak disebut harga dalam syarikat-syarikat diperbadankan:				
Di Malaysia				
Saham	87,477	85,798	87,477	85,798
Bon korporat	392,615	342,642	471,646	410,749
Di luar Malaysia				
Saham	3,128	-	-	-
	<b>712,883</b>	<b>636,142</b>	804,247	718,474
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Tidak Disebut Harga dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan:</b>				
Di Malaysia				
Bon korporat	30,000	30,000	30,000	30,000
Bon dan nota korporat dalam USD	144,670	144,670	216,965	216,965
Di luar Malaysia				
Bon dan nota korporat dalam USD	123,073	123,073	123,073	123,073
	<b>297,743</b>	<b>297,743</b>	370,038	370,038
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Dijamin Tidak Disebut Harga dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan di Malaysia:</b>				
Bon korporat	977,857	977,857	-	-
<b>Pelaburan dalam Bank Komersil Berlesen Berkaitan</b>				
Pinjaman berjangka bersubordinat tidak bercagar	460,000	460,000	-	-



## Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
<b>Sekuriti Tidak Disebut Harga dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan:</b>				
Di Malaysia				
Bon korporat	100	100	100	100
Saham	60,634	60,634	60,338	60,338
Di luar Malaysia				
Saham	9,893	9,893	7,675	7,675
	<b>70,627</b>	<b>70,627</b>	68,113	68,113
Jumlah	<b>3,632,759</b>	<b>3,309,719</b>	2,310,443	2,144,867
Peruntukan rosot nilai pelaburan dalam syarikat-syarikat diperbadankan:				
Di Malaysia	(74,615)	(55,999)	(55,043)	(37,401)
Di luar Malaysia	(123,310)	(109,060)	(140,056)	(104,146)
Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun	(27,494)	(27,494)	(2,246)	(2,246)
Jumlah Bersih	<b>3,407,340</b>	<b>3,117,166</b>	2,113,098	2,001,074
<b>Nilai Pasaran:</b>				
<b>Sekuriti Pasaran Wang:</b>				
Instrumen deposit boleh niaga	936,528	936,528	1,038,975	1,038,975
Bil Bank Negara Malaysia	148,754	-	-	-
Bon Khazanah	40,496	-	-	-
<b>Sekuriti Disebut Harga:</b>				
Di Malaysia				
Saham	3	-	3	-
Bon korporat	38,354	-	38,387	-
Di luar Malaysia				
Bon korporat	4,750	-	6,774	-
<b>Pertukaran Hutang Ekuiti:</b>				
Disebut harga di Malaysia				
Saham - <i>dengan opsyen</i>	18,375	18,375	21,815	21,815
Saham	999	-	1,899	-
Stok Pinjaman - <i>bersandar</i>	12,988	-	13,000	-
Stok Pinjaman	108,715	107,954	287,729	284,804
Disebut harga di luar Malaysia				
Saham	3,441	-	3,270	-
<b>Sekuriti Hutang Persendirian Dijamin Tidak Disebut Harga dalam Syarikat-syarikat Diperbadankan di Malaysia:</b>				
Bon korporat	937,549	937,549	30,000	30,000



## Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

Struktur kematangan pelaburan sekuriti pasaran wang dipegang oleh Kumpulan dan Bank adalah seperti berikut:

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Matang dalam tempoh setahun	421,308	232,012	120,892	120,892
Satu hingga tiga tahun	412,219	412,219	232,012	232,012
Tiga hingga lima tahun	201,540	201,540	613,759	613,759
Lebih lima tahun	21,579	21,579	21,579	21,579
	<b>1,056,646</b>	<b>867,350</b>	988,242	988,242

Sekuriti pasaran wang tertentu yang dipegang telah dijual bawah perjanjian beli-balik bagi tujuan pendanaan. Nilai pegangan sekuriti tersebut seperti dinyatakan dalam perjanjian beli-balik tidak dikeluarkan daripada akaun aset masing-masing, sementara kewajipan membeli-balik sekuriti pada harga dipersetujui dan pada tarikh masa depan tertentu dianggap sebagai tanggungan seperti dinyatakan di dalam Nota 16.

Pelaburan dalam bank komersil berlesen berkaitan mengenai RM460 juta 10-tahun pinjaman berjangka bersubordinat tidak bercagar (subpinjaman) kepada AmBank Berhad (AmBank) untuk pembiayaan semula RM460 juta pinjaman modal boleh tukar bersubordinat diberi oleh Danamodal Nasional Berhad. Bagi menyediakan penyusunan pembiayaan semula kepada AmBank, Bank telah menerbitkan RM460 juta bon bersubordinat boleh ditebus dan tidak bercagar (SubBon) seperti yang diterangkan dalam Nota 22. Subpinjaman akan mendapat faedah pada kadar 0.375% di atas kos SubBon Bank.

### 8. Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Pinjaman dan pembiayaan:				
Pelanggan	5,588,867	5,393,947	5,881,900	5,619,415
Syarikat-syarikat berkaitan	292,110	281,470	272,137	261,497
Kakitangan	26,569	25,879	26,941	26,289
Tuntutan terhadap pelanggan di bawah kredit penerimaan	9,746	9,746	18,775	18,775
Pajakan akan diterima	-	-	5,547	5,547
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	<b>5,917,292</b>	<b>5,711,042</b>	6,205,300	5,931,523
Tolak:				
Peruntukan hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan:				
Am	80,404	77,788	86,186	82,026
Tertentu	378,375	362,969	339,333	308,111
	<b>458,779</b>	<b>440,757</b>	425,519	390,137
Faedah/Pendapatan tergantung	183,603	167,875	197,458	154,982
	<b>642,382</b>	<b>608,632</b>	622,977	545,119
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih	<b>5,274,910</b>	<b>5,102,410</b>	5,582,323	5,386,404

Tuntutan terhadap pelanggan di bawah kredit penerimaan merupakan penerimaan Bank diwujudkan. Penerimaan sendiri didiskaunkan dan dipegang oleh Kumpulan dan Bank pada 31 Mac 2004 berjumlah RM2,601,000 (RM1,953,000 pada 2003).

## Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

Struktur kematangan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah seperti berikut:

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Matang dalam tempoh setahun	3,602,273	3,451,912	2,831,350	2,610,778
Satu hingga tiga tahun	991,196	975,311	1,904,946	1,895,185
Tiga hingga lima tahun	726,762	687,237	871,840	828,819
Lebih lima tahun	597,061	596,582	597,164	596,741
	<b>5,917,292</b>	<b>5,711,042</b>	6,205,300	5,931,523

Analisis pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut tujuan ekonomi adalah seperti berikut:

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Pegangan pelaburan	931,676	931,676	1,137,039	1,137,039
Pembinaan	913,725	886,499	1,257,608	1,191,421
Perkilangan	801,596	786,305	644,501	616,264
Pembelian sekuriti	761,863	761,863	902,853	902,853
Pengangkutan, pergudangan dan komunikasi	583,456	574,111	182,165	171,195
Perdagangan am	444,700	437,707	376,774	369,555
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	433,051	319,889	511,530	400,474
Pertanian	417,800	399,258	480,201	447,603
Hartanah	312,524	312,524	310,391	304,332
Elektrik, gas dan air	125,062	125,062	170,080	170,080
Pembelian harta tanah:				
(a) Perumahan	23,804	23,299	23,918	23,385
(b) Bukan perumahan	85,948	74,294	145,732	134,814
Perlombongan dan kuari	1,320	1,320	4,570	4,570
Lain-lain	80,767	77,235	57,938	57,938
	<b>5,917,292</b>	<b>5,711,042</b>	6,205,300	5,931,523

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih Kumpulan termasuk pinjaman dengan perbankan luar pesisir sebanyak USD45,275,000 (USD51,436,000 pada 2003) dan telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran RM3.80 (RM3.80 pada 2003).



## Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

Pergerakan akaun pinjaman dan pembiayaan tidak bergerak termasuk faedah dan pendapatan akan diterima adalah seperti berikut:-

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Kasar				
Baki pada awal tahun	1,112,828	930,374	1,767,942	1,498,294
Tidak bergerak bagi tahun	307,076	289,552	372,161	293,840
Jumlah hapus kira	(158,689)	(108,821)	(315,424)	(308,887)
Bayaran balik	(132,531)	(115,452)	(193,478)	(109,825)
Reklasifikasi kepada pinjaman dan pembiayaan bergerak	(93,905)	(81,387)	(232,259)	(222,180)
Pertukaran hutang ekuiti	(46,699)	(40,906)	(272,783)	(207,537)
Pindahan daripada pelupusan perniagaan perkhidmatan komersil kepada bank komersil berkaitan	-	-	(12,522)	(12,522)
Perampasan	-	-	(809)	(809)
<b>Baki pada akhir tahun</b>	<b>988,080</b>	<b>873,360</b>	<b>1,112,828</b>	<b>930,374</b>
Tolak:				
Peruntukan tertentu	378,375	362,969	339,333	308,111
Faedah/Pendapatan tergantung	183,603	167,875	197,458	154,982
	<b>561,978</b>	<b>530,844</b>	<b>536,791</b>	<b>463,093</b>
<b>Pinjaman dan pembiayaan tidak bergerak - bersih</b>	<b>426,102</b>	<b>342,516</b>	<b>576,037</b>	<b>467,281</b>
<b>Nisbah pinjaman dan pembiayaan tidak bergerak kepada jumlah pinjaman pendahuluan dan pembiayaan - bersih</b>	<b>7.96%</b>	<b>6.61%</b>	<b>10.16%</b>	<b>8.55%</b>

Pergerakan dalam akaun-akaun peruntukan hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan dan faedah/pendapatan tergantung adalah seperti berikut:

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Peruntukan am				
Baki pada awal tahun	86,186	82,026	107,398	99,299
Masuk kira semula peruntukan bagi tahun (Nota 29)	(5,791)	(4,238)	(21,231)	(17,273)
Pelarasan pertukaran mata wang	9	-	19	-
<b>Baki pada akhir tahun</b>	<b>80,404</b>	<b>77,788</b>	<b>86,186</b>	<b>82,026</b>
<b>% jumlah pinjaman dan pembiayaan ditolak peruntukan tertentu dan faedah/pendapatan tergantung</b>	<b>1.50%</b>	<b>1.50%</b>	<b>1.52%</b>	<b>1.50%</b>

## Nota-nota Penyata Kewangan (Samb.)

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
<b>Peruntukan tertentu</b>				
Baki pada awal tahun	<b>339,333</b>	<b>308,111</b>	324,756	303,443
Peruntukan bagi tahun	<b>195,518</b>	<b>192,359</b>	262,581	252,672
Masuk kira semula bayaran balik dan kebalikan	<b>(38,325)</b>	<b>(37,316)</b>	(8,027)	(8,027)
Caj bersih kepada penyata pendapatan (Nota 29)	<b>157,193</b>	<b>155,043</b>	254,554	244,645
Jumlah hapus kira	<b>(127,434)</b>	<b>(106,122)</b>	(229,902)	(229,902)
Pertukaran hutang ekuiti	<b>(32)</b>	<b>(32)</b>	(108)	(108)
Reklasifikasi daripada lain-lain penghutang	<b>9,315</b>	<b>5,969</b>	-	-
Pindahan daripada pelupusan perniagaan perkhidmatan komersil kepada bank komersil berkaitan	-	-	(9,967)	(9,967)
Baki pada akhir tahun	<b>378,375</b>	<b>362,969</b>	339,333	308,111
<b>Faedah/Pendapatan tergantung</b>				
